

Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia serta Cabaran yang Dihadapi

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 201-219
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 19 March 2023
Accepted: 9 April 2023
Published: 29 Mei 2023

[The Contribution of Middle East University Alumni to the Development of the Arabic Language in Malaysia and the Challenges Faced]

Siti Fatimah Mohd Saufi¹ & Zamri Arifin*¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: abuzaim@ukm.edu.my

*Corresponding Author: abuzaim@ukm.edu.my

Abstrak

Sumbangan tokoh-tokoh terdahulu dalam pendidikan asas yang berpendidikan dari universiti Timur Tengah dan fasih berbahasa Arab telah lama memberi kesan positif terhadap pendidikan bahasa Arab. Namun, masih terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditangani agar pendidikan bahasa ini berkembang dengan lebih meluas dan mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia khususnya. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sumbangan alumni universiti Timur Tengah dalam perkembangan bahasa Arab di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual dan analisis dokumen. 6 orang responden dalam kalangan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi telah dipilih berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan. Menerusi kajian ini, hasil dapatan mendapati sumbangan yang diberikan oleh tokoh-tokoh ini merangkumi banyak aspek tidak kira sama ada di dalam atau di luar kuliah. Antaranya ialah terlibat dalam program-program bahasa Arab, bengkel, seminar, penterjemahan, penciptaan aplikasi dan penerbitan. Mereka ini mendedahkan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan pelbagai metode yang memudahkan masyarakat menerima sekaligus menghasilkan pengajian yang bermutu.

Kata kunci: Sumbangan, Cabaran, Alumni, Universiti Timur Tengah, Perkembangan Bahasa Arab.

Abstract

The contribution of previous figures in basic education who were educated from Middle Eastern universities and fluent in Arabic has long had a positive impact on Arabic language education. However, there are still some shortcomings that need to be addressed in order for this language education to develop more widely and gain a place in the hearts of the Malaysian community in particular. Therefore, this study wants to see the contribution of Middle Eastern university alumni in the development of the Arabic language in Malaysia. This study is a study using a completely qualitative approach. Data collection is done through interviews and document analysis. 6 respondents among the lecturers of the Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi were selected based on the specified characteristics. Through this study, the findings found that the contributions given by these figures include many aspects regardless of whether they are inside or outside the lecture. Among them is being involved in Arabic language programs, workshops, seminars, translation, application creation and publishing. They reveal the teaching and learning

techniques of the Arabic language with various methods that make it easier for the community to accept it as well as produce quality studies.

Keywords: Contributions, Challenges, Alumni, Middle East University, Arabic Language Development

Cite This Article:

Siti Fatimah Mohd Saufi & Zamri Arifin. (2023). Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia serta Cabaran yang Dihadapi [The Contribution of Middle East University Alumni to the Development of the Arabic Language in Malaysia and the Challenges Faced]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 201-219.

Pengenalan

Pilihan pelajar Malaysia untuk menyambung pelajaran di negara Timur Tengah telah popular sejak awal abad ke-19 lagi khususnya ramai pelajar ini lebih memilih untuk ke Mesir iaitu universiti Al-Azhar kerana universiti ini lebih dominan dan terdedah identitinya dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia merupakan suatu fasa yang besar dan memberi impak kepada perubahan kehidupan masyarakat apabila mendapat pendidikan di luar negara sama ada dari segi pemikiran, gaya hidup mahupun persekitaran yang membawa kepada kebaikan dalam pendedahan budaya serta cara penyampaian ilmu (Abu Hanifah & Mohammad Redzuan 2013). Namun demikian, pemilihan tersebut adalah berlandaskan keinginan mereka sendiri untuk memilih yang terbaik. Walau bagaimanapun, ia bukanlah hanya memfokuskan kepada satu negara itu sahaja malah terdapat juga tempat pengajian dari beberapa buah negara lain yang dilabelkan sebagai negara Timur Tengah seperti Jordan, Qatar, Maghribi, Yaman, Turki, Arab Saudi, Iran, Iraq, Syria, Libya, Sudan, Lubnan, Kuwait, Oman, Palestin, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu dan Afghanistan. Graduan dari universiti-universiti berikut berpeluang untuk menuntut ilmu bersama para ulama dan ilmuwan yang terkemuka di negara-negara tersebut. Tambahan pula, pihak universiti-universiti di sana sangat mengalu-alukan kedatangan para pelajar dari Malaysia dan mereka sangat berbesar hati untuk membantu antara satu sama lain dalam meningkatkan pengetahuan dan memantapkan kebolehan berkomunikasi bahasa Arab di samping dapat mempelajari adab dan asas kehidupan (Asep Setiawan 2018).

Kebanyakan negara Timur Tengah yang mempunyai penduduk berbangsa Arab menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa tuturan harian mereka. Hal ini kerana bahasa Arab adalah dianggap antara bahasa tertua dan merupakan salah satu bahasa dunia. Menurut Mohd Saifussaleh (2002), jumlah penutur di seluruh dunia dianggarkan melebihi 422 juta penduduk yang bertutur dalam bahasa Arab. Bahasa Arab juga dikenali sebagai bahasa syurga dan bahasa al-Quran yang diletakkan perspektif yang sangat tinggi dalam kalangan orang-orang Islam. Tambahan pula, dalam penulisan hadith Rasulullah S.A.W juga meletakkan bahasa Arab pada darjat yang paling tinggi. Perkembangan dakwah Islamiyyah di seluruh dunia membuktikan bahawa bahasa Arab merupakan satu wadah yang digunakan oleh pendakwah untuk memperkenalkan agama Islam. Bahasa Arab menjadi satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan Muslim agar setiap bait kalimah yang dilontarkan ketika membaca ayat al-Quran dapat didalami dan difahami dengan sangat baik. Malaysia juga tidak ketinggalan mengorak langkah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di peringkat persekolahan bermula

peringkat rendah, menengah sehingga peringkat pengajian tinggi. Malaysia mempunyai sebilangan besar golongan ilmuwan yang berdedikasi menyebarkan ilmu serta fasih berbahasa Arab. Mereka ini merupakan lepasan dari universiti Timur Tengah untuk memberi pendedahan tentang bahasa ini kepada para pelajar di sekolah dan universiti. Mereka ini telah menamatkan pengajian tinggi di luar negara yang tidak dinafikan majoritinya telah memperoleh banyak pengalaman dan ilmu pengetahuan ketika keberadaan mereka di sana. Oleh yang demikian, sudah pastinya golongan ilmuwan seperti mereka dapat memberi sumbangan yang padu bagi melahirkan golongan ilmuwan dan bakal ulama terkenal pada suatu hari nanti.

SEJARAH KEMASUKAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Jika dilihat senario di Malaysia, pelbagai pihak berusaha dalam pelbagai cara untuk memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut Fatimi (1963) mengatakan sorotan sejarah membuktikan tentang kemajuan bahasa Arab di Malaysia bermula sejak agama Islam bertapak di Tanah Melayu pada kurun pertama Hijrah selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam. Kedatangan Islam selari dengan bahasa Arab menjadi suatu perantaraan bahasa dalam setiap urusan ibadat, pendidikan dan agama pada abad ke-17 Masihi yang menyebabkan masyarakat di Kepulauan Melayu terpaksa mempelajarinya demi kelangsungan hidup bertamadun (Abdul Wahab & Nur Shuhadak 2015). Oleh yang demikian, berlaku banyak perubahan besar dan memberangsangkan terhadap kehidupan masyarakat Melayu menerusi pengajaran bahasa Arab yang telah berkembang pesat dan bergiat aktif serta diajarkan kepada masyarakat dalam mendalamai ibadah dan ajaran agama Islam (Rosni 2009). Kemunculan bahasa Arab telah diakui menjadi salah satu bahasa yang dilabelkan sebagai bahasa tertua dan mendapat tempat yang sangat baik dalam arena globalisasi. Selain itu, berdasarkan pandangan Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri (2012), cengkaman yang diberikan daripada bahasa Arab telah menaiktaraf bahasa Melayu sehingga mencapai disiplin ilmu. Hal ini kerana terdapat penggunaan perkataan bahasa Arab cenderung digunakan di dalam bahasa Melayu seperti nama-nama Arab yang diberikan kepada golongan masyarakat Melayu. Pengajian bahasa Arab mendapat perhatian ramai tidak kira peringkat umur sama ada bermula daripada kanak-kanak, remaja, dewasa malah warga emas juga mempelajari ilmu bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab yang mereka ikuti dengan menghadiri kelas-kelas agama sama ada secara formal atau informal (Che Radiah & Masittah 2011). Di samping itu, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia menggunakan pendekatan metode yang semakin moden mengikut peralihan zaman dari masa ke semasa. Tambahan pula, bahasa Arab masih mengekalkan momentumnya yang tersendiri agar tetap utuh menjadi bahasa kedua yang diaplikasikan di sekolah rendah, menengah mahupun di institusi pengajian tinggi (Khairatul Akhmar et al. 2015).

Jika disingkap kembali, puncak pengajian bahasa Arab di Malaysia adalah bermula dengan pembelajaran yang dijalankan di pondok, surau atau masjid yang dilaksanakan bukanlah secara formal dan tidak bersifat protokol. Dalam konteks pengajian di Malaysia, institusi wakaf adalah bermula dengan institusi pengajian pondok dan diikuti dengan sistem madrasah atau sekolah aliran Arab. Namun, ianya telah berubah kepada persekolahan aliran perdana apabila kerajaan mengambil alih institusi wakaf tersebut. Keadaan ini berlaku hanyalah dengan mempelajari dan menghafal perkataan dalam bahasa Arab kerana pada ketika itu

pengajian mereka tidak mempunyai hala tuju yang sebenar dan hanya sebagai rujukan untuk membaca teks dan doa dalam bahasa Arab. Institusi wakaf yang berkaitan adalah terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan madrasah serta pengajian pondok (Latif Azha et al. 2013). Di samping itu, zaman tersebut juga tidak mempunyai rekod dan data-data penting yang hendak dikemaskini dan menyebabkan matlamat pengajian kurang jelas dan hanya sekadar tahu (Ishak Mohd Rejab 1992). Menurut Mohd Shahrizal et al. (2015), kesedaran dalam mempelajari bahasa Arab ini diberikan tumpuan yang khusus bertujuan untuk menjalani ibadah.

Kedudukan bahasa Arab di dalam Akta Pendidikan 1996 menjelaskan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa asing yang dinyatakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perkara ini telah diutarakan mengenai kewujudan mana-mana bahasa adalah dianggap sebagai bahasa asing dan munasabah untuk diperaktikkan jika mendatangkan keuntungan dan manfaat terhadap masyarakat. Berdasarkan kenyataan berikut, bahasa Arab didapati hanya menjadi satu pembelajaran tambahan di sekolah biasa. Namun begitu, bagi sekolah-sekolah aliran agama pula mata pelajaran bahasa Arab menjadi satu kewajipan yang harus dipelajari sama ada pada peringkat menengah rendah atau menengah atas. Menurut Kamarulzaman dan Nik Mohd. Rahimi (2008), kedudukan bahasa Arab yang diketengahkan dalam Akta Pendidikan 1996 menitikberatkan tentang masyarakat majmuk dan perbezaan agama di Malaysia. Oleh yang demikian, wujud reaksi daripada ahli sarjana dan para pendidik berkaitan tentang status bahasa Arab yang hendak disetarakan kedudukannya setanding dengan bahasa ibunda yang lain bertepatan dengan penggunaan dan kemajuan semasa dalam mengaplikasi bahasa yang digunakan oleh masyarakat khususnya masyarakat Melayu Islam.

Selain daripada penubuhan pondok-pondok, ia juga terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kemajuan yang positif ditunjukkan dalam pelajaran bahasa Arab apabila kerajaan memperkenalkan program j-QAF iaitu ilmu berkaitan tulisan jawi, al-Quran, bahasa Arab dan ilmu fardu ain di peringkat sekolah rendah. Ianya bermula pada tahun 2004 yang menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan dalam memperkenalkan bahasa Arab di Malaysia pada ketika itu selari dengan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi agama Islam (Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah 2007). Salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di bawah program j-QAF ini ialah Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Namun demikian, status mata pelajaran tersebut adalah sebagai mata pelajaran pilihan sahaja. Pilihan ini diberikan kepada pelajar beragama Islam sama ada ingin mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) atau Bahasa Cina Komunikasi (BCK) atau Bahasa Tamil Komunikasi (BTK). Manakala bagi pelajar bukan Islam pula diberi pilihan sama ada mahu mengambil Bahasa Arab Komunikasi (BAK) ataupun tidak.

Selain itu, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) juga telah diperkenalkan oleh kerajaan setelah berkolaborasi antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti Al-Azhar dalam satu perbincangan pada tahun 2000. Status STAM yang diperkenalkan adalah bagi menyelaras Sijil Tinggi Agama (STA) bagi seluruh negeri di Malaysia di mana ia merupakan satu persijilan di bawah Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (LPKPM). Penganugerahan sijil ini adalah bertujuan untuk kelayakan pelajar diserap masuk dalam Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam aliran agama seperti universiti di Timur Tengah khususnya Universiti Al-Azhar yang jelas dapat dilihat diminati oleh kebanyakan pelajar Malaysia. Perkembangan bahasa Arab memainkan peranan penting dalam aspek agama Islam yang semakin gah diterima oleh semua golongan masyarakat pada masa kini. Keseriusan rakyat

Malaysia dalam mempraktikkan ilmu agama dalam kehidupan menyemarakkan lagi kemeriahannya bahasa Arab dalam setiap negeri di Malaysia. Dari segi kronologi bahasa Arab banyak didorong melalui faktor pendidikan itu sendiri berbanding dengan faktor lain (Abdul Rahman 2009). Oleh itu, secara tidak langsung setiap Muslim tidak lari dari fitrah sebagai seorang manusia dalam memegang tanggungjawab besar bagi memenuhi fardhu ain dalam diri untuk lebih memahami dan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui ibadah-ibadah yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari.

PERKEMBANGAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

a. Bidang Pendidikan Bahasa Arab

Mata pelajaran bahasa Arab adalah antara salah satu bidang pembelajaran dan pengajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dunia pendidikan telah lama bertapak di Malaysia sekaligus wujudnya Islam. Sudah pastinya kitab yang dipelajari mengandungi teks dalam bahasa Arab yang telah lama menjadi panduan dan rujukan bagi umat Islam (Marzuqi 1977). Pengamatan bahasa Arab telah lama popular berdasarkan penggunaan kitab-kitab yang telah menjadi suatu amalan bagi umat Islam sejak dahulu lagi. Pengajian agama Islam di sekolah, universiti, masjid dan surau sudah pastinya menggunakan kitab yang berbahasa Arab. Hal ini kerana terdapat banyak risalah kitab yang ditulis oleh ahli ulama terkenal kebanyakan dalam bahasa Arab. Mereka ini merupakan golongan ilmuan yang sangat tinggi dan amat fasih berbahasa Arab di samping pengamatan mereka yang sangat mandalam tentang ilmu agama (Osman Khalid 1993). Abdullah (1987) mengatakan bahawa Tanah Melayu sangat dikuasai oleh pengaruh agama dan kebanyakannya yang mempelajari bahasa Arab secara tidak langsung juga mempelajari ilmu agama Islam. Pada zaman pascakemerdekaan ini, manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan masing-masing. Oleh yang demikian, pendidikan merupakan salah satu aspek yang terpenting yang perlu diberi perhatian agar dapat mencorak seorang manusia yang bertamadun dan berilmu demi masa depan yang baik. Rosna Awang Hashim (2003) berpandangan bahawa kedudukan dan pangkat seseorang dinilai berdasarkan pendidikannya. Semakin tinggi tahap pendidikannya maka semakin tinggi pandangan masyarakat terhadap golongan yang berilmu ini.

Pengajian bahasa Arab yang berusul dari Pra sekolah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu menjalani beberapa peringkat umur dan berdasarkan keperluan pelajar tersebut. Pembelajaran di peringkat Pra sekolah dan sekolah rendah yang dijalankan di Malaysia adalah lebih tertumpu kepada mengenal huruf, mengenal cara sebutan yang betul dan memahami maksud beberapa perkataan yang sering digunakan seperti *kaifa haluka, sabah al-khayr* dan sebagainya. Manakala pengajian bahasa Arab di peringkat menengah rata-rata lebih kepada mendalami kaedah yang terkandung dalam bahasa Arab agar pelajar dapat memahami dan menguasai tatabahasa bahasa tersebut. Namun, terdapat juga pelajar yang berminat untuk mengambil subjek ini sebagai subjek elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk lebih mendalami bahasa tersebut dan berminat menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa Arab atau bidang keagamaan. Kebanyakannya pelajar ini mahu melanjutkan pelajaran ke negara Timur Tengah yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Seterusnya, pendidikan di peringkat

Institut Pengajian Tinggi (IPT) pula diberi galakan kepada para pelajar yang hanya mengambil pengkhususan yang berkaitan sahaja. Namun begitu, ada juga beberapa IPT yang mengategorikan bahasa Arab sebagai bahasa dominan dan kursus wajib universiti yang wajib diambil oleh para pelajar. Hal ini kerana terdapat beberapa buah fakulti di IPT yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama atau bahasa pengantar dan bahan rujukan subjek tertentu berlandaskan bahasa Arab seperti jika seseorang itu mengambil jurusan Pengajian Islam yang menelaah ilmu-ilmu Islam sudah semestinya menggunakan bahan rujukan atau kajian dalam bahasa Arab. Perkara ini jelas bahawa secara tidak langsung pelajar tidak boleh lari dari mendalami ilmu yang ada kaitannya dengan bahasa Arab.

b. Kemahiran Membaca Dalam Konteks Pendidikan Bahasa Arab

Bahasa Arab bukanlah bahasa komunikasi pertama yang dipertuturkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Namun, masih terdapat golongan yang menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan harian mereka apabila berada di dalam kelompok yang sama-sama menggalakkan diri mereka berinteraksi dengan berbahasa Arab. Oleh kerana masalah sebegini, ianya lebih kepada berperanan untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan melalui bahan bacaan bercetak atau elektronik. Secara tidak langsung, melihat kepada keperluan dan situasi ini ianya lebih tertumpu kepada kemahiran membaca yang diterapkan dalam diri masyarakat di Malaysia (Kamarulzaman & Nik Mohd. Rahimi 2002). Melihat kepada peredaran zaman dari masa ke semasa, terdapat pelbagai bahan bacaan yang mudah didapati dengan hanya melayari internet untuk menambah ilmu pengetahuan. Segala berita dari dalam dan luar negara juga kita boleh dapatinya dalam pelbagai bahasa. Namun demikian, ini tidak bermakna kemahiran-kemahiran bahasa yang lain boleh diketepikan.

Kebolehan membaca merupakan perkara asas yang harus ada dalam setiap diri individu yang ingin menguasai sesuatu bidang bahasa. Kamaruddin Husin (1986) berpendapat bahawa membaca ditakrifkan sebagai menyuarakan tulisan, mengambil isi dan idea yang tertulis serta memahami kandungannya. Membaca juga adalah mentafsir dan mengemukakan tentang suatu simbol atau tulisan yang merangkumi aktiviti dalam memahami makna tulisan, penyerapan maklumat dan buah fikiran yang dihuraikan dalam penulisan tersebut (Salihan Siais 1993). Nik Mohd Rahimi (1999) berkata dalam konsep pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua di Malaysia, kemahiran membaca boleh dianggap motif utama yang perlu dikuasai oleh setiap individu memandangkan kemahiran-kemahiran lain agak lemah dan kurang diperaktikkan secara meluas. Melihat kepada sejarah pada zaman nabi, para sahabat Rasulullah SAW juga mempelajari kemahiran membaca apabila ditugaskan untuk menulis wahyu.

Dahulunya, keperluan asas dalam pendidikan adalah dituntut untuk seseorang itu belajar membaca namun sekarang dilihat lebih kepada membaca itu difokuskan dalam pembelajaran. Hal ini kerana membaca amat penting dalam industri pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berilmu tinggi dan berjaya di dunia dan akhirat. Prestasi ini tidak akan terlaksana dengan jayanya jika individu tersebut tidak bergiat aktif dan tidak mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan tahap pengajiannya. Kemampuan dan kecekapan dalam membaca amat dititikberatkan dalam mengaplikasikan pembelajaran secara kendiri lebih-lebih lagi diterapkan dalam pendidikan bahasa Arab pada peringkat menengah dan seterusnya. Membaca mempunyai banyak kelebihan positif yang boleh diberikan kepada setiap individu yang

menelaah ilmu dengan lebih mendalam dan sudah pastinya dia akan terkeluar dari dibelenggu kejahilan. Di samping itu, amalan membaca ini akan membuka pintu secara terus dalam meneroka banyak hal terhadap dunia luar dan pengetahuan akan sentiasa berkembang dengan lebih tertib dan tersusun. Islam juga menegaskan agar umatnya mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan dengan melalui kemahiran membaca. Demikian jelas dapat dilihat apabila telah diturunkan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW yang meminta baginda membaca sedangkan baginda seorang yang tidak pandai membaca. Namun apabila baginda dipaksa berkali-kali oleh malaikat Jibrail AS barulah baginda dapat membacanya dengan baik. Bukti wahyu yang diturunkan didapati dalam al-Quran iaitu surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya" (Al-Quran, Al-Alaq 96, 1-5).

Mubarafuri (1987) berkata bahawa apabila dilihat dari segi penerapan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW, baginda begitu bijak dan bersungguh dalam mencari ilmu di samping mencari jalan untuk menggalakkan umatnya agar memperoleh ilmu pengetahuan. Selain daripada menuntut umat Islam sentiasa mengejar ilmu, Rasulullah SAW juga pernah menyuruh setiap tawanan perang pihak musuh yang mahir dalam membaca dan menulis untuk mengajarkan kepada sepuluh orang Islam tentang kemahiran tersebut agar menjadi salah satu langkah untuk mendapatkan sebuah pembebasan. Penguasaan menulis dan ilmu bahasa asing serta amalan membaca telah dibuktikan dengan kecemerlangan yang digenggam oleh tamadun Islam. Dorongan dan galakan ini membawa kepada kegemilangan yang terbesar kepada dunia Islam sehingga melahirkan ramai cendekiawan Islam yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu serta penggerak kepada dunia ilmu sama ada dalam bidang sains sosial, perubatan mahu pun keagamaan.

Dalam meniti arus kemodenan ini, kemahiran membaca juga menunjukkan sesuatu aktiviti yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh setiap individu sekaligus menjadikannya satu amalan kegemaran dalam kehidupan seharian. Impak terbesarnya adalah dapat kita lihat apabila masyarakat akan lebih terdidik, bermaklumat dan berilmu tinggi dengan mengamalkan habit membaca ini. Selain itu, amalan ini melambangkan sebuah kejayaan masyarakat maju dan pengetahuan masyarakat akan semakin berkembang serta bercambah apabila memperolehi ilmu dan membaca dari pelbagai bahasa. Kekuatan ini mewujudkan sebuah kelompok masyarakat yang berjaya dan bertamadun sekaligus memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara seperti pemerintahan yang adil dan amanah di sesebuah negara termasuk negara Malaysia.

c. Kurikulum Bahasa Arab

Jika dilihat kepada kemajuan pendidikan bahasa Arab di Malaysia, perkara ini menjelaskan bahawa pengajian bahasa Arab di Malaysia telah mendapat sambutan dan diterima baik dalam kalangan masyarakat. Pihak kerajaan juga telah memberi perhatian terhadap perkara ini kerana ianya bersangkut-paut dengan masyarakat Melayu, agama Islam dan al-Quran. Pendidikan bahasa Arab yang ditawarkan di sekolah-sekolah mempunyai tiga aliran kurikulum yang besar dan berpengaruh. Aliran-aliran tersebut ialah Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi (BAK), Kurikulum Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan Kurikulum Bahasa Arab al-Azhar. (Kamarulzaman

& Nik Mohd. Rahimi 2004). Kamilah (2000) berpandangan bahawa terdapat juga kurikulum yang berteraskan kitab-kitab tradisional klasik yang kebiasaannya digunakan di pusat pengajian kaedah pondok yang sudah bertapak di Malaysia sejak sekitar abad ke-18 dan ke-19 lagi. Kurikulum pengajian di pondok ini bersifat menelaah kitab dari kulit ke kulit yang menggunakan kombinasi kitab tulisan jawi dan bahasa Arab. Tradisi pengajian pondok ini memberikan kesan secara langsung kepada identiti masyarakat Melayu Islam untuk berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan berpotensi melahirkan pelapis. Walau bagaimanapun corak kurikulum yang dipromosikan, namun kesemua organisasi tersebut masih bergantung kepada penggunaan buku teks dalam pembelajarannya. Bahagian Kurikulum JAPIM (2003) menyatakan bahawa buku teks Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT) adalah antara bahan bacaan yang ketara menjadi fungsi pengajaran di dalam kelas. Bahan bacaan yang digunakan ini merupakan kitab bagi mempersempahkan pelbagai ilmu dan kepakaran berkaitan bahasa Arab.

Semenjak tahun 1977, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan bidang bahasa Arab di sekolah-sekolah di bawah kawalannya khususnya bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Walaupun demikian, belum ada kandungan buku teks yang tertentu dilaporkan tetap dan muktamad namun hanya berlandaskan prosedur peperiksaan mata pelajaran yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Berdasarkan Bahagian Pendidikan Islam (1993) menyatakan bahawa keadaan tersebut menyedarkan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) untuk menyediakan bidang kurikulum dan mata pelajaran bahasa Arab sekaligus berjaya membukukan bahan-bahan pembelajaran bahasa Arab pada tahun 1980. Kurikulum yang digunakan pada peringkat awalnya adalah diberi keutamaan kepada tatabahasa sahaja berbanding dengan penguasaan kepakaran yang lain. Namun demikian, bermulalah perubahan yang dilakukan ke atas pendekatan pengajaran bahasa Arab yang berunsurkan komunikatif. Pihak Bahagian Pendidikan Islam menyajikan sukatan pelajaran bahasa Arab yang dikelaskan kepada dua bahagian iaitu bahasa Arab yang digunakan bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan berikutnya digunakan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pada tahun 1981. Buku teks yang dikenali sebagai *al-Lughah al-'Arabiyyah* telah diguna pakai antara pada tahun 1981 hingga 1989 bagi pelajar tingkatan satu hingga lima kemudiannya diikuti pula dengan buku yang bertajuk *Jadid fi al-Lughah al-'Arabiyyah*.

Mata pelajaran tersebut ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di sekolah-sekolah menengah harian di mana mereka menyediakan Kelas Aliran Agama (CAA) pada tahun 1988. Semasa Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dijalankan, Kurikulum Bahasa Arab pula digubal semula dengan sokongan yang diberikan oleh The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) seterusnya BPI mencari jalan untuk menghasilkan buku teks yang memenuhi keperluan masyarakat merangkumi aspek komunikasi. Maka, buku *al-Arabiyyah* dicetak dan secara rasminya digunakan oleh pelajar tingkatan satu hingga tiga. Pada tahun 1991, hasil pemberian dalam pelajaran bahasa Arab yang dilaksanakan diaplikasikan di SMKA, SBP dan CAA yang dikhaskan kepada pelajar tingkatan empat dan lima sahaja. Mata pelajaran yang diberi nama bahasa Arab pada awalnya mampu bertahan sehingga 12 Jun 1991 sahaja kerana setelah itu telah ditukarkan nama kepada Bahasa Arab Komunikasi oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP). Bermula pada tahun 1996, segala isi kandungan dan skop yang terkandung dalam buku teks bahasa Arab ini dibuat penyusunan

semula dan disemak secara tertib agar menghasilkan buku yang menepati segala aspek yang hendak disampaikan dan diberi perhatian kepada bidang komunikasi yang hendak dikekalkan dalam buku teks tersebut. Oleh yang demikian, maka tercetus buku yang diberi nama *al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah* (Bahagian Pendidikan Islam 1993). Menurut Azman dan Goh (2010) berpendapat bahawa tujuan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia boleh dikelaskan kepada dua bahagian iaitu pertamanya bermatlamat agama dan keduanya pula bermatlamat komunikasi.

Pada yang sama, subjek Bahasa Arab Tinggi (BAT) yang merupakan kursus baharu telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP). Maka sejak pada itu, kursus ini menjalani proses penggubalan untuk kali kedua. Proses pertamanya dijalankan pada tahun 1990 manakala keduanya pula berlaku pada tahun 2000 selepas melakukan semakan dan penggubalan semula terlaksana pada tahun 2003 (Bahagian Kurikulum JAPIM 2003). Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang ditawarkan mempunyai tempoh penggunaannya iaitu dijangka berakhir pada tahun 2010 ketika mana Kurikulum Bahasa Arab yang terbaru akan diwujudkan sebagai pengantinya tetapi bakal digunakan pada peringkat menengah rendah terlebih dahulu (Jawatankuasa Kurikulum Pusat 2006). Cadangan nama yang diberikan oleh Bahagian Kurikulum JAPIM (2005) adalah Bahasa *Arab I'dadiyyah* yang dikatakan kewujudannya bermula pada tahun 2011 iaitu menggantikan buku teks Bahasa Arab Tinggi. Selain itu, nama lain yang diutarakan cadangan oleh Bahagian Kurikulum JAPIM bagi subjek ini adalah Bahasa *Arab Thanawiyyah*.

Metodologi Kajian

Subjek dan tempat kajian

Subjek kajian adalah terdiri daripada 6 orang pensyarah dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi yang merupakan alumni universiti Timur Tengah yang mempunyai kemahiran dalam bidang bahasa Arab. Rasional pensyarah ini dipilih sebagai subjek kajian adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu iaitu:

- a. 3 orang lelaki dan 3 orang perempuan
- b. 2 orang daripada peringkat sarjana muda, 2 orang peringkat sarjana dan 2 orang peringkat PhD

Kaedah dan Analisis Kajian

Kajian ini ialah kajian kes dengan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual sebagai kaedah utama bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Kajian ini memiliki dua instrumen iaitu temu bual dan analisis dokumen. Secara umumnya, temu bual ini dijalankan dalam dua bentuk, iaitu temu bual tidak berstruktur dan temu bual berstruktur. Temu bual tidak berstruktur adalah temu bual yang dilakukan hanya bersumber kepada garis-garis besar permasalahan yang akan disoal. Manakala temu bual berstruktur adalah temu bual yang soalan-soalannya telah disusun secara terperinci dan rapi sebelum ianya dijalankan. Dalam hal ini, data

perbualan yang diambil daripada responden adalah bagi memberikan data yang sah dan boleh menguatkan lagi data dapatan kepustakaan yang ditemui. Maklumat yang diperolehi ketika sesi temu bual dijalankan direkodkan melalui catatan nota dan rakaman audio dengan persetujuan responden. Analisis dokumen berdasarkan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder seperti jurnal, akhbar, penulisan ilmiah, tesis dan banyak lagi bahan bacaan yang berautoriti. Dalam kajian ini, semua data yang dikumpulkan dimasukkan dalam perincian telefon bimbit sebelum analisis data dilaksanakan. Pada mulanya, temu bual yang berlangsung dirakam secara audio (*voice note*) dan ditranskripsikan data-data yang dicatatkan dalam nota berdasarkan apa yang dinyatakan oleh peserta kajian. Ia merupakan langkah pertama yang dilakukan setelah sesi temu bual. Selepas itu, data yang telah ditranskripsikan dibaca berulang kali untuk memperolehi fahaman yang mendalam sebelum mengkategorikan data. Data tersebut dianalisis dengan cara melihat dan mendengar semula serta menulis kembali mengikut kategori objektif kajian.

Hasil dan Perbincangan

Sumbangan Alumni Terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia

Hasil daripada perbincangan dapatan kajian telah dikenal pasti bahawa sumbangan yang diberikan oleh alumni universiti Timur Tengah adalah meliputi beberapa aspek iaitu keterlibatan program bahasa Arab, bengkel dan seminar, terjemahan lisan dan penulisan, penciptaan aplikasi, penerbitan projek penyelidikan, jurnal, buku dan prosiding serta pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sama ada di bawah anjuran universiti atau di luar universiti. Ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Senarai tema kefahaman terhadap sumbangan alumni universiti Timur Tengah dalam perkembangan bahasa Arab di Malaysia

Tema	Sub tema
Keterlibatan	Program bahasa Arab
	Bengkel dan seminar
Terjemahan	Lisan
	Penulisan
Penerbitan dan penciptaan	Projek penyelidikan dan jurnal
	Buku
	Prosiding
	Pembinaan aplikasi
Pengajaran dan pembelajaran	Kuliah
	Luar kuliah

a. Keterlibatan

Hasil daripada temu bual, didapati bahawa sumbangan yang diberikan melalui penglibatan dalam program-program kurikulum bahasa Arab, bengkel dan seminar.

“Saya melibatkan diri dalam program-program anjuran Kementerian Pendidikan, Jabatan-jabatan Agama Negeri dan juga NGO berkepentingan bahasa Arab sebagai seorang perunding, panel rujukan, panel penjurian serta penggubal modul dan kurikulum bagi semua peringkat pengajian bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah, menengah dan lanjutan universiti” (2022: temu bual) (Informan 1).

“Saya juga ikut serta dalam beberapa khidmat lain seperti pertandingan *Mahrajan* Bahasa Arab, AJK Penaksiran Kertas Soalan Peperiksaan Prasiswazah, AJK Seminar Kebangsaan Amalan Efektif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, aktiviti Debat Bahasa Arab, AJK minggu Bahasa Arab Sempena Hari Bahasa Arab Sedunia 2021, Badan Kebajikan Kakitangan Akademik FPI, AJK Badan Kebajikan Unit Bahasa Arab, AJK Buletin FPI, AJK Kebajikan dan Kewangan Program Bahasa Arab, AJK Webinar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Arab Abad ke-21, AJK Pemantapan Bahasa Arab, AJK Publisiti dan Serantau Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam, Perunding Bengkel Ulangkaji Asas Ilmu Nahw dan Sarf, Pengawas Ujian Kecekapan Bahasa Arab dan sebagainya” (2022: temu bual) (Informan 2).

Menurut informan yang lain, beliau diminta untuk menguruskan bengkel dan dilantik menjadi antara salah seorang penyemak jurnal bahasa Arab.

“Saya telah dijemput untuk mengendalikan bengkel dalam metodologi penyelidikan oleh syarikat latihan. Saya juga telah dilantik sebagai penyemak jurnal nasional terutamanya dalam Scopus yang diindeks dalam bidang kepakaran saya” (2022: temu bual) (Informan 3).

“.... sepanjang khidmat saya di UKM, ada saya ikut serta dalam Badan Kebajikan Kakitangan Akademik, AJK Kebajikan Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam FPI, AJK Open and Distance Learning (ODL) Programme, AJK Persidangan Multaqa/Nun/Sebaka/Siswazah, AJK Induk Kursi Syeikh Haji Uthman Bin Haji Abdul Al-Wahhab Sarawak di UKM, Program Showcase of High Impact Educational Practises (HIEPS), Seminar Tamadun dan Warisan 2019, Bengkel Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks, AJK Kecil Penyediaan dan Penggubalan Soalan Ujian Kelayakan Bahasa Arab untuk Calon-calon Siswazah, Program Mukhayyam Arabi Komunikasi, Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab, Program Pemerksaan Prestasi Akademik Pelajar FPI dan lain-lain lagi” (2022: temu bual) (Informan 4).

Selain itu, informan seterusnya menyatakan bahawa beliau terlibat dengan program di bawah seliaan Persatuan Bahasa Arab Malaysia.

“.... saya sekarang ini terlibat dengan Persatuan Bahasa Arab Malaysia sejak menjadi ahli biasa sehingga saya adalah Timbalan Yang Dipertua Persatuan Bahasa Arab Malaysia (PBAM) dan sumbangannya saya menyebarkan bahasa Arab dalam kalangan ahli dengan memberikan pengajaran bahasa Arab kepada *al-Mubtadi'in* peringkat permulaan dan peringkat pertengahan dengan mengadakan kelas-kelas sama ada berbayar ataupun tidak. Masa sebelum pkp, saya sering mengadakan aktiviti luar kerana yang terlibat dalam persatuan ini adalah ramai dalam kalangan orang-orang dewasa iaitu 30 tahun ke atas dan ada mereka yang umur sudah lebih 60 hingga 70 tahun. Namun, mereka bersemangat mempelajari bahasa Arab” (2022: temu bual) (Informan 5).

Lanjutan daripada penerangan di atas, terdapat juga informan yang lain berkongsi pengalaman beliau dalam mengadakan program motivasi.

“Secara amnya saya menjadi ahli Persatuan Mahasiswa Islam Timur Tengah (PMITT) dan ahli Persatuan Bahasa Arab Malaysia. Jadi sumbangan secara tidak langsungnya menerusi persatuan tersebut. Namun saya ni suka mengadakan program-program motivasi dan saya telah berkecimpung secara langsung program-program motivasi di sekolah-sekolah khususnya sekolah agama di Jabatan Agama Islam, Selangor” (2022: temu bual) (Informan 6).

b. Terjemahan

Sumbangan seterusnya yang dikenal pasti adalah sumbangan melalui terjemahan iaitu terjemahan lisan dan penulisan.

“Saya pernah melibatkan diri dalam kerja-kerja terjemahan Arab-Melayu secara rasmi mahupun tidak rasmi pada suatu ketika dahulu. Ianya bermula dengan melakukan terjemahan kisah-kisah pahlawan Islam di zaman sahabat untuk syarikat penerbitan buku tempatan pada tahun 2000 hingga 2001. Pada tahun 2002 hingga 2008, saya bertugas sebagai penterjemah berita Al-Jazeera di stesen TV Astro yang memakan masa lebih kurang enam tahun. Saya turut mengambil peluang terlibat dalam sebahagian kerja-kerja mengedit *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* pada tahun 2002 dan 2003. Di samping itu, saya juga pernah mencuebi diri dalam pasukan penterjemah buku yang bertajuk *Sultan Abdul Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiyyah*. Pada tahun 2015, saya mengikut serta dalam pasukan penterjemah *Ensaiklopedia Fekah* di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka” (2022: temu bual) (Informan 2).

“Dari segi penulisan, saya ada juga mempunyai penerbitan kajian bersama ahli pensyarah lain dan daripada saya sendiri” (2022: temu bual) (Informan 6).

c. Penerbitan dan penciptaan

Berdasarkan hasil daripada temu bual yang dijalankan, sumbangan yang diberikan adalah menerusi penerbitan projek penyelidikan dan jurnal, buku, prosiding dan penciptaan aplikasi.

“.... saya ada menghasilkan dan menerbitkan beberapa projek penyelidikan dan jurnal yang berkaitan dengan bidang” (2022: temu bual) (Informan 1).

Menurut informan yang berjaya memenangi Anugerah Inovasi Terbaik di Kongres dan Pertandingan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (kNOvasi) 2021 dan memenangi pingat emas dalam Siri Bicara Tuntas UKM bagi Kategori Teknologi Memuncul dalam Pembelajaran Tanpa Sempadan pula menyatakan, beliau telah menyumbang idea mencipta sebuah aplikasi pembelajaran kosa kata bahasa Arab berdasarkan teknologi realiti terimbuh (*augmented reality – AR*) melalui pendekatan pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan yang diberi nama AR-Faseh.

“Ramai pelajar sering mengadu yang mereka sukar menguasai kosa kata yang dipelajari. Oleh itu, saya dan beberapa barisan penyelidik yang lain mengambil inisiatif menujuhkan aplikasi menggunakan pendekatan animasi tiga dimensi (3D), audio dan video”. Selain itu, saya terlibat dengan penyelidikan berkaitan bahasa Arab untuk tujuan khusus di Universiti Malaya”. (2022: temu bual) (Informan 3).

“Lain pada itu, adalah beberapa penerbitan buku, prosiding, jurnal dan lain-lain yang berkaitan dengan bahasa Arab” (2022: temu bual) (Informan 4).

d. Pengajaran dan pembelajaran

Rentetan daripada temu bual yang dijalankan, terdapat juga sumbangan alumni universiti Timur Tengah melalui pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam kuliah mahupun luar kuliah.

“Saya mengambil bahagian dalam rakaman suara (*voice over*) projek video belajar bahasa Arab untuk kanak-kanak yang diterbitkan oleh syarikat tempatan dan mengadakan tuisyen bahasa Arab untuk pelajar-pelajar sekolah menengah pada tahun 2002” (2022: temu bual) (Informan 2).

“.... sumbangan saya sudah tentunya tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran oleh kerana saya merupakan pensyarah di UKM. Saya mengajar bahasa Arab di universiti dalam negara sejak tahun 1997 lagi dan turut mengajar di beberapa kelas secara tak rasmi di komuniti atau dalam kalangan masyarakat di Malaysia” (2022: temu bual) (Informan 4).

“Saya amat berbangga sejak masuk ke Fakulti Pengajian Islam saya memang ditugaskan untuk mengajar bahasa Arab khususnya Tatabahasa Arab. Jadi dengan itu, hubungan saya dengan bahasa Arab itu berterusan sehingga sekarang dan menyelia juga menggunakan bahasa Arab jika pelajar-pelajar itu datang daripada negara-negara Arab dan negara-negara yang tidak mampu berbahasa Melayu” (2022: temu bual) (Informan 5).

Hasil daripada temu bual daripada 6 orang alumni universiti Timur Tengah yang mengajar di Fakulti Pengajian Islam, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan mereka mempunyai persamaan dari segi penglibatan program yang berkepentingan bahasa Arab.

Cabaran Yang Dihadapi Untuk Menarik Minat Masyarakat Malaysia Terhadap Bahasa Arab

Dalam usaha memantapkan proses pengajaran bahasa, terlebih dahulu seorang pengajar bahasa harus mengenal pasti setiap isu dan permasalahan yang sering timbul sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran, isu yang berkaitan dengan pihak pelajar ataupun pihak pengajar sendiri (Ab. Rahim & Naimah 2004). Kesemua informan mempunyai pendapat dan pengalaman yang tersendiri dalam menarik minat masyarakat Malaysia terhadap bahasa Arab. Hasil daripada perbincangan dapatkan kajian telah dikenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi untuk menarik minat masyarakat Malaysia terhadap bahasa Arab. Beberapa penemuan diperolehi dari hasil kajian iaitu dari segi faktor pengetahuan dan faktor dalaman.

a. Faktor Pengetahuan

Berdasarkan hasil temu bual, didapati bahawa cabaran yang timbul dari segi faktor pengetahuan ialah kurangnya penguasaan ilmu nahw dan sarf, kekurangan pengalaman belajar bahasa Arab di sekolah, sumber rujukan tidak menepati silibus mengikut peringkat umur, kekurangan sumber pendigitalan dan kurang kemahiran menulis jawi.

“.... ada pula kemahiran sepatutnya ditekankan di peringkat menengah tapi nampak tidak settle sehingga telah sampai ke tahap universiti. Beberapa isu asas yang mana kita lihat pelajar dah sampai peringkat universiti tapi masih belum dapat menguasai isu tersebut. Sedangkan isu tersebut sepatutnya telah diselesaikan di peringkat sekolah menengah. Contohnya, pelajar-pelajar masih tidak menghafal *tasrif wazan sarf* walaupun telah sampai ke universiti.... saya rasa silibus dan cara pengajaran bahasa Arab perlu diperkemaskan lagi dan diselaraskan dari segi kesesuaiannya dan keberkesanannya dari peringkat sekolah rendah hingga menengah dan peringkat pengajian tinggi. Saya sebagai guru bahasa Arab di peringkat universiti, saya fikir modul ataupun silibus anak saya yang belajar di sekolah rendah agak tinggi dan belum sesuai dengan tahap pemikiran mereka, dalam buku teks bahasa Arab sekolah agama darjah 1 sampai darjah 6” (2022: temu bual) (Informan 2).

“.... ramai pelajar yang pandai-pandai, dapat keputusan peperiksaan bagus-bagus tapi kemudahan pembelajaran melalui digital tu kurang, tak banyak. Macam jadikan kitab-ktab dalam bentuk pdf, apps dan sebagainya. Sebab masyarakat ni tak rajin nak belek kitab-kitab atau buku-buku yang ada” (2022: temu bual) (Informan 3).

“Kemungkinan tahap seseorang itu berbeza. Ada sesetengah itu pernah belajar sedikit sebanyak dan dah tahu bagaimana untuk menulis tulisan jawi. Jadi mereka ini semua mungkin kurang bermasalah berbanding dengan mereka yang baru nak belajar tulisan jawi, yang baru nak kenal huruf-huruf jawi. Maka ada sesetengah tu akan menulis menggunakan tulisan rumi dan juga terkial-kial untuk menyebut huruf-huruf tersebut dengan *makhrajnya* yang betul” (2022: temu bual) (Informan 5).

b. Faktor Dalaman

Cabaran seterusnya yang telah dikenal pasti adalah cabaran dari segi faktor dalaman iaitu kurang motivasi dan minat terhadap bahasa Arab, sikap pelajar menganggap bahasa Arab susah dan tidak berkepentingan serta timbul perasaan negatif seperti malu dan takut melakukan kesalahan dalam bahasa Arab.

“.... apa yang berlaku ialah mereka terus diwajibkan sewaktu di sekolah rendah atau menengah agama diwajibkan belajar bahasa Arab atau erti kata lain mereka terpaksa belajar bahasa Arab walaupun tidak minat. Fenomena ini sampai terbawa-bawa sehingga ke peringkat universiti” (2022: temu bual) (Informan 2).

“Melalui pengalaman, majoriti menganggap bahasa Arab susah. Antara bahasa susah sedangkan dia adalah bahasa yang paling mudah. Cuma syarat dia kita harus menguasai kaedah nahw dan sarf dia. Itu yang disebut oleh pakar atau ulama bahasa Arab moden hari ini” (2022: temu bual) (Informan 4).


Sebagai lanjutan daripada penerangan tadi, informan yang lain juga menyatakan bahawa masyarakat menganggap bahasa Arab merupakan bahasa yang susah. Selain itu, beliau berhadapan dengan masalah yang di mana majoriti pelajar tidak gemar untuk diajukan soalan kerana dibimbangi jawapan yang diberikan adalah salah.

“.... jika mengajar orang-orang dewasa dan orang yang sudah berumur, mereka amat sensitif jika kita mengajukan persoalan atau pertanyaan kepada mereka. Kalau boleh ajar, ajar sajalah jangan tanya-tanya. Satu perkara lagi bahasa Arab ni bukanlah suatu bahasa yang diminati seperti Bahasa Inggeris. Dan apabila satu stigma lain dalam bahasa Arab bila dikatakan bahawa bahasa Arab bahasa yang paling susah. Jadi orang Melayu akan rasa mustahil untuk mereka menguasainya dan sedangkan ada juga beberapa orang memang sebab minat

mampu berbahasa Arab walaupun umurnya sudah 70 tahun kerana dia serius untuk belajar” (2022: temu bual) (Informan 5).

“Bahasa Arab ni bahasa yang kurang mendapat perhatianlah, orang-orang Islam khususnya Melayu di Malaysia ini, masyarakat Malaysia. Cuma mereka yang ada kepentingan sahaja dan ada kesedaran. Kepentingan tu macam untuk mendalami agama, untuk lebih memahami Al-Quran dan ataupun perniagaan ataupun mahu berkomunikasi, mahu menambah ilmu. Jadi cabaran pertama ialah bagaimana kita ini menyedarkan mereka dahulu. Saya dah lama berkecimpung mengadakan kelas-kelas bahasa Arab untuk masyarakat. Tapi biasalah mereka pada mulanya, contohnya pada awalnya 40 orang, bulan kedua 30 orang, bulan ketiga 20 orang, kemudian 10 dan 5 orang. Yang betul-betul berminat sahaja yang akan habis belajar.... kena banyak faktor macam cara pengajaran, maqasidnya, tujuan belajar apa dan sebagainya. Pada saya kesimpulannya ialah cabaran kesedaran yang tidak meninggi kepada kepentingan bahasa Arab ini. Padahal bahasa Arab ini kita baca tiap-tiap hari dalam Al-Fatihah, dalam Al-Quran dan sebagainya. Jadi sepatutnya mereka mendalami bahasa Arab, bahasa Allah, bahasa Quran, bahasa Nabi Muhammad S.A.W” (2022: temu bual) (Informan 6).

Kajian mendapati bahawa peserta kajian menghadapi beberapa rintangan dalam menarik minat masyarakat terhadap bahasa Arab seperti dapat digambarkan melalui rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Tema cabaran untuk menarik minat masyarakat Malaysia terhadap bahasa Arab

Hasil daripada temu bual ini dapat dirumuskan bahawa informan yang terlibat menghadapi kekangan dan cabaran yang tersendiri. Setiap apa jua usaha kebaikan tentunya dapat ditangani dengan tenang dan baik mengikut cara masing-masing dalam menyebarkan ilmu pengetahuan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, pendidikan bahasa Arab telah lama bertapak di Malaysia sejak kurun pertama Hijrah lagi. Sumbangan alumni universiti Timur Tengah telah membawa kepada penyebaran bahasa ini dengan lebih meluas. Ini membuktikan bahawa keluaran yang dihasilkan daripada pendidikan di negara Timur Tengah adalah berkualiti dan mampu memenuhi keperluan masyarakat dalam mempelajari bahasa Arab. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam mencapai minat masyarakat terhadap bahasa ini dengan begitu tinggi. Oleh itu, semua pihak berkepentingan diseru agar berganding bahu bagi melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk memartabatkan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Rujukan

- Ab. Rahim Ismail. 2004. *al-Lughah al-Arabiyyah: Dawruha wa makanatuha fi al-hadir wa al-mustaqlbal*. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad. (pnyt.). *al-Hadharah*, hlm. 135-144. Bangi: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hanifah Haris. 2013. Pemergian Pelajar Melayu ke Mesir Dari Tahun 1910-An Hingga 1950-An: Cabaran Dan Implikasi. *Jurnal Al-Tamaddun* 8(1): 67-84.
- Abu Hanifah Haris. 2014. Kaherah Sebagai Pusat Percetakan Karya Melayu-Islam, 1880-an Hingga 1960-an. *Jurnal al-Tamaddun* 9(1): 15-31.
- Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman. 2013. Seruan Azhar (1925-1928) dan Idea Perpaduan Antara Penduduk Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah. Dlm. Mohammad Redzuan Othman et al. (ed.). *Malaysia-Indonesia: Romantika Hubungan Bangsa Serumpun*, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Asep Setiawan. 2018. *Dinamika Timur Tengah*. Jakarta: Penerbit Leutikaprio.
- Bahagian Pendidikan Islam (1993). *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru* Azman Che Mat & Goh, Y. S. 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 9-21.
- Bahagian Pendidikan Islam. 1993. *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah Raja Ariffin. 2011. Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang: Satu Kajian Penerokaan 2011. *Prosiding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011* (Iceriale 2011) Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research.

- Fatimi S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.
- Hakim Zainal. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 15 May.
- Ishak Mohd Rejab. 1992. Masalah Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kumpulan Kertas Kerja Pendidikan Islam Malaysia. Disunting: Ismail Ab. Rahman. Bangi: UKM.
- JAPIM. 2003. *Keperihalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003 Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur: KPM
- JAPIM. 2005. *Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kamarudin Husin. 1986. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Subang Jaya: Sarjana Kamarulzaman dan Nik Mohd Rahimi. 2005. Menilai Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi: Ke Arah Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam, Siri 4*, hlm. 345-354.
- Kamilah Mohamed. 2000. Persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran di sekolah pondok: Kajian kes di Sekolah Pondok Addiniyah Badriah, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairatul Akhmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairuzaman Kadir. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 16 May.
- Latif Azha, Sayin Baharuddin, Sayurno, S.S. Salahuddin, M. Rani Afandi & Hamid Afifah H. 2013. The practice and Management of Waqf Education in Malaysia. Procedia – Social and Behavioral Sciences.
- Lily Hanefarezan Asbulah. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 13 May.
- Md. Nor Abdullah. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 14 May.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. 2015. Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. *Asia Pasific Journal of Educators and Education* 30: 51-72.
- Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri. 2012. Pemanfaatan Kosa Kata Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan Dari Sudut Semantik. Kertas kerja International Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Disember.
- Muhammad Sabri, Nurkhamimi & Mohd Shahrizal. 2016. Program Akademik Bahasa Arab Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Analisis Awal Terhadap Respons Pelajar. *JSASS* 3(2): 1-21.
- Naimah Abdullah. 2004. Peranan Penyelidikan dalam usaha menyelesaikan isu-isu dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa*. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.

- Nik Mohd Rahimi. 1999. Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang pelaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad Ke-21. *Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, Fakulti Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman. 2008. Motivasi Pembelajaran kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal UKM: Jurnal Pendidikan* 33: 3-18.
- Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman. 2008. Penggunaan Alat Bantu Mengajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi* 49(E): 141-154.
- Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud. 2016. Sinergisme Konsep Wakaf Pendidikan Dan Gagasan Keusahawanan Sosial Islam: Wasilah Pembangunan Komuniti Intelektual Mandiri. Dlm. Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud (pnyt.). *Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*, hlm. 85-100. Kelantan: Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia.
- Nur Azizah Latifah. 2019. Timur Tengah dan Ekonomi Syariah: Studi Empiris Terhadap Perkembangan Ekonomi Syariah di Timur Tengah. *Al-Falah: Journal of Islamic Economics* 4(1): 70-85.
- Osman Khalid. 1993. Pengajian Bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Dlm Ismail Ab Rahman, Abd Aziz @ Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pnyt.). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, hlm. 210-217.
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini. 2020. Bidang pengajian Bahasa Arab dan kaitannya dengan bidang Sosiolinguistik di Malaysia: Analisis Matrik Keutamaan. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik* 2(1): 37-54.
- Rosni. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni. 2012. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salihan Siais. (1993). Teknik belajar berkesan: Secara pendekatan Islam. Kajang: Purwati Enterprise.
- Ummu Hani Hashim. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 11 May.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2007. *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu Di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai.
- Zuraida Shaadon. 2022. Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah Dalam Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia. Temu bual, 12 May.